

Perluas forum Ilmuwan Malaysia MADANI gali idea gubal dasar negara

• Apa yang menjadikan forum ini luar biasa adalah sesi soal jawab yang menyusul, memperlihatkan kesediaan kerajaan menjawab soalan secara langsung, telus dan mendalam

• Perdana Menteri menekankan wacana seperti inilah ruang terbaik mendengar kritikan, menerima input luar dan merumus dasar berasaskan data, realiti dan keperluan rakyat



Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Datuk Dr Mohd Foad Sakdan
bhrencana@bh.com.my

Forum Ilmuwan Malaysia MADANI Siri keenam berlangsung pada 4 Jun lalu menjadi satu lagi manifestasi penting kepada usaha kerajaan memperkukuh budaya intelektual, keterbukaan pentadbiran dan keberanian membincangkan dasar negara secara holistik serta inklusif.

Bertempat di Menara Prasarana, bertemakan 'Pengangkutan untuk Rakyat, Mengimbangi Kemampuan Rakyat, Kualiti dan Kemampunan Pengangkutan Awam', forum ini menyatukan tokoh politik,

profesional, akademik dan rakyat dalam satu wacana membina dan berterus terang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil bukan hanya sebagai penyampai ucapan dasar, tetapi sebagai moderator mendengar dan memberi maklum balas secara langsung kepada persoalan dan kritikan daripada panel serta peserta.

Ini memperlihatkan satu bentuk kepemimpinan berani, tawaduk dan bersedia menerima pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat, sejajar dengan prinsip MADANI yang menekankan kebertanggungjawaban, kemanusiaan dan keterangkuman dalam pentadbiran negara.

Mengulas isu utama forum, Perdana Menteri mengakui pengangkutan awam adalah cabaran besar negara yang bukan sahaja membabitkan Kuala Lumpur, tetapi juga lain seperti Tawau, Kota Kinabalu, Kuching, Pulau Pinang dan Senai.

Beliau mendedahkan projek mega seperti Laluan Transit Aliran Massa (MRT) Putrajaya (RM40 bilion), Laluan Mutiara (RM17 bilion) dan MRT3 (RM50 bilion) memerlukan penilaian semula dari sudut keberkesanan, kos dan daya saing.

Pada masa sama, beliau menekankan pentingnya transformasi pengurusan agensi seperti Prasarana Malaysia Berhad, suatu ketika dahulu pernah mengecewakan, tetapi kini mula menunjukkan perubahan positif di bawah kepemimpinan baharu.

Ucapan Perdana Menteri menekankan keperluan menyeimbangkan pembangunan prasarana pengangkutan awam dengan kemampuan kewangan rakyat dan kerajaan. Beliau menjelaskan isu pengangkutan tidak boleh dipisahkan daripada isu perbandaran, perumahan rakyat dan kemiskinan bandar.

Sesi forum turut diserikan dengan pembentangan oleh tiga tokoh iaitu Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Mohd Azharuddin Mat Sah, membentangkan kertas kerja bertajuk 'Moving People with Reliable and Affordable Public Transport'.

Kedua, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dengan pembentangan 'MeMADANikan Pengangkutan Awam' dan ketiga, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah, membincangkan tajuk 'The Role of Public Transport in the Complexity of Sustainable Transport Conundrum'.

Apa yang menjadikan forum ini luar biasa adalah sesi soal jawab yang menyusul, memperlihatkan kesediaan kerajaan menjawab soalan secara langsung, telus dan mendalam.

Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok, membuka sesi soal jawab dengan mengutarakan tiga isu penting: pertama, kelemahan dalam koordinasi perancangan

bandar oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sering tidak mengambil kira pengangkutan awam.

Kedua, cabaran perancangan laluan MRT dalam projek pembaharuan semula bandar seperti Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL2040) membatikan 139 tapak 'urban renewal' dan ketiga, cadangan supaya Prasarana menjana pendapatan melalui pembangunan komersial di stesen MRT serta pembinaan perumahan MADANI berdekatan stesen bagi manfaat golongan miskin bandar.

Beliau turut mencadangkan pembinaan semula parkir bertingkat di stesen utama MRT.

Berani laksana pendekatan 'faktor penolak'

Perdana Menteri memberikan maklum balas konkrit dengan menjelaskan model Kota MADANI yang kini dalam pembinaan di Putrajaya dan Pulau Pinang, menggabungkan komponen sekolah bertingkat, klinik, balai bomba dan prasarana pengangkutan dalam satu kawasan pembangunan.

Beliau menyatakan reka bentuk terkini lebih komprehensif, mesra keluarga dan menjimatkan kos jangka panjang sambil menyediakan akses mudah kepada pengangkutan awam.

Salah satu detik kemuncak forum ialah soalan daripada Tan Sri Idris Jala, tokoh korporat dan penasihat dasar terkenal, mencadangkan kerajaan lebih berani melaksanakan pendekatan 'faktor penolak' dalam menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Beliau merujuk contoh kejayaan London memperkenalkan caj kesesakan bandar yang meningkatkan penggunaan bas sebanyak 37 peratus.

Menurut beliau, pendekatan 'faktor penolak' seperti rasionalisasi subsidi, pengurangan kemudahan kenderaan persendirian dan pemindahan barangan melalui rel perlu dipertimbangkan walaupun tidak popular kerana ia lebih menjimatkan dalam jangka panjang berbanding pendekatan 'faktor penarik' semata-mata.

Perdana Menteri menyambut baik cadangan itu dan secara terbuka mengakui beberapa dasar reformasi, termasuk rasionalisasi subsidi, membawa risiko politik.

Namun beliau menegaskan kerajaan tidak boleh mengorbankan asas ekonomi negara demi populariti jangka pendek. Sebaliknya, reformasi perlu diteruskan dengan berani, sambil mengambil kira kemampuan rakyat dan daya tahan sosial.

Apa yang paling menonjol dalam forum ini adalah budaya 'kerendahan intelektual' ditonjolkan Perdana Menteri. Beliau mengakui seorang pemimpin tidak harus mendabik dada kononnya mengetahui semua perkara. Sebaliknya, beliau menekankan wacana seperti inilah ruang terbaik mendengar kritikan, menerima input luar dan merumus dasar berasaskan data, realiti dan keperluan rakyat.

Paling menarik apabila Perdana Menteri menerima baik kenyataan terbuka Naib Canselor UPM mengenai kekurangan dasar negara iaitu dasar pengangkutan nasional, menunjukkan forum ini benar-benar menjunjung semangat demokrasi ilmu, bukannya sekadar acara kosmetik atau kepura-puraan protokol.

Lebih menarik ialah reaksi Perdana Menteri tidak defensif tetapi merendah diri dan bersedia menerima teguran, memperlihatkan satu bentuk kepemimpinan baharu berpaksikan keterbukaan dan kesediaan belajar.

Kata-kata seperti 'not too polite to say, but that's a fact' dan 'I take down notes, and tomorrow I will present it to the Cabinet' memberi isyarat forum seperti ini bukan hanya berfungsi sebagai pentas ucapan, tetapi menjadi sumber input dasar negara secara langsung.

Justeru, Forum Ilmuwan Malaysia MADANI, dikendalikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, wajar diteruskan dan diperluas sebagai satu mekanisme tetap dalam proses pengubalan dasar negara. Ia mencerminkan iltizam untuk mentadbir dengan ilmu, bukan retorik; dengan fakta, bukan persepsi; dan dengan kebijaksanaan kolektif, bukan keangkuhan kuasa.



Pembangunan prasarana pengangkutan awam turut dibincangkan dalam forum Ilmuwan Malaysia MADANI.